



# **GARIS PANDUAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP – COVID19)**

**Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi penerangan kepada masyarakat awam khususnya Umat Islam mengenai kaedah Sambutan Hari Raya Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19**



**جايته كماله وان اسلام مليسيا**  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**



# Sambutan Hari Raya Aidilfitri



**SOLAT SUNAT  
AIDIL FITRI**

- Solat Sunat Hari Raya di rumah bersama ahli keluarga
- Boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah
- Ahli keluarga yang dikuarantin di rumah tidak dibenarkan turut serta
- Pesakit dan petugas di Hospital dibenarkan mengikut peraturan KKM



**TAKBIR  
HARI RAYA**

- Takbir di Masjid/Surau oleh Imam, Bilal dan Siak atau rakaman
- Digalakkan Takbir Hari Raya di rumah
- Takbir dari rumah ke rumah tidak dibenarkan
- Pengendali stesen penyiaran disarankan untuk menyiarkan rakaman takbir hari raya yang sedia ada dengan meletakkan kapsyen "Rakaman ini telah dibuat sebelum tempoh PKP".

# Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Rumah terbuka Aidilfitri tidak boleh dibuat bagi mengelakkan penularan wabak penyakit.



**RUMAH TERBUKA**

Amalan ziarah menziarahi untuk bersilatullah diganti dengan berhubung menggunakan alat komunikasi dan media sosial sebagai pengganti diri.



**ZIARAH RAYA**

Bacaan Yaasin dan Tahliil boleh diadakan di rumah bersama ahli keluarga sahaja selepas solat sunat Aidilfitri bagi menggantikan amalan menziarahi kubur pada hari raya



**ZIARAH KUBUR**